

ra, Sheik Allauddin, tewas 1-4 di tangan Andoni Cabanillas dari Sepanyol dalam Kelas H.

Sementara itu, srikandi tunggal Singapura dalam kejohanan ini, Badariah Hosni, turut mencatatkan kemenangan dalam perlawanan pusingan pertama mengalahkan Wan Azimah dari Malaysia 5-0 dalam Kelas B malam kelmarin.

Kemenangan ini disusuli pula oleh kejayaan pesilat Mohamad Riduan, yang mengalahkan Diego Perez dari Sepanyol dengan 5-0 dalam Kelas B.

Keputusan pusingan suku akhir:
Kelas D: Azman Amat (S'pura) khl

Roby Wilya (Indon) - dibatalkan; Ahmad Fauzi Othman khl Adam Gecik (Turkey) 3-1.

Kelas H: James Byrnes (Aust) khl Zulfakar Majid (Mal A) 4-1; Nayan Mudra (Indon) menang percuma ke atas Edwin Chard (Britain); Andoni Cabanillas (Sepanyol) khl Sheik Allauddin (S'pura) 4-1; Azam Abas (Mal B) khl Ariffin Haji Talib (Brunei) 3-2.

Kelas I: Sarno (Indon) khl Zulkifli Md Salleh (Mal A) 5-0; Andreas Schmidt (Jerman) khl Beramik (Austria) 4-1; Copini (Belanda) khl Peirra van Zilhan (Surinam) 5-0; Cesar Nunez (Sepanyol) khl Mohd Fauzi (Mal B) 5-0.
— Bernama.

Pesaka adakan acara tambahan

SATU acara tambahan akan diadakan untuk menampung penyertaan 20 peserta terutamanya dari Eropah dalam Kejuaraan Silat Sedunia keempat yang berlangsung di Stadium Negara.

Menurut setiausaha Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan (Pesika), Abdul Rahman Hassan, beberapa negara Eropah turut membawa bersama pesilat simpanan untuk menimba pengalaman daripada kejuaraan ini tetapi setiap negara dibenarkan menyenarai satu peserta bagi setiap kategori.

"Kebanyakannya layak mempunyai kelas bebas, ini dapat memberi pendedahan kepada mereka," kata Rahman.

Kategori yang turut dipertandingkan dalam acara tambahan itu ialah kelas 60 kg, 70 kg, 80 kg dan 90 kg ke atas.

Negara Eropah akan dijemput

MALAYSIA bercadang menjemput negara-negara Eropah dan Asean untuk mengambil bahagian dalam Kejohanan Silat Kebangsaan, mulai tahun depan.

"Ini adalah rancangan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk meningkatkan perkembangan seni silat ini ke seluruh dunia," kata pengerusi jawatankuasa pengelola, Aziz Deraman.

Aziz memberitahu dia akan membawa saranan ini dalam mesyuarat Persilat esok.

"Tujuan saya mengemukakan cadangan ini ialah sebagai usaha lanjutan untuk terus memperkenalkan silat hingga ke peringkat antarabangsa," ujarnya.